

TARIKH: 4/5/2023
SURAT KhabAR: BERITA HARIAN
MUKA SURAT: 15

BH Khamis, 4 Mei 2023

BERITA HARIAN

m/s 16 15

Nasional

Syor naik caruman KWSP majikan tidak produktif

Banyak PKS terpaksa guna rizab, jual aset untuk bayar gaji pekerja

Oleh Ahmad Subael Adnan dan Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Cadangan menaikkan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) oleh majikan ketika ekonomi negara masih dalam fasa pemulihan disifatkan sebagai tidak produktif dan mendatangkan mudarat.

Justeru, Pengerusi Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SAMENTA), Datuk William Ng, menggesa Jemaah Menteri menolak cadangan tidak berasas itu, sebaliknya memberi tumpuan kepada mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi serta membantu perniagaan dan pekerja menjadi lebih produktif.

Beliau berkata, meskipun ekonomi secara kasarnya sudah pu-

lih ke tahap seperti 2019, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus ketinggalan di belakang syarikat lebih besar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada sambutan Hari Pekerja 2023 di Putrajaya Isnin lalu, memaklumkan kerajaan akan membincangkan cadangan supaya kadar caruman KWSP bahagian majikan dinaikkan kepada 20 peratus berbanding 13 peratus ketika ini.

Cadangan itu diusulkan Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC) melalui 12 syor untuk dipertimbangkan kerajaan.

Mengulas lanjut, William berkata, PKS sebelum ini sudah menanggung kenaikan gaji minimum dua kali sejak 2020, selain dipaksa memberi faedah sampingan lebih tinggi termasuk cuti bersalin lebih lama dan nilai ambang lebih rendah untuk bayaran lebih masa.

"Banyak PKS terpaksa menggunakan rizab mereka dan ada juga yang menjual hartanah serta aset lain untuk membayar gaji, walaupun perniagaan tidak dapat beroperasi.

"Walaupun usaha itu jarang dihargai, PKS rela kerana bagi kebanyakan pengusaha itulah sum-

bangkan kami untuk membantu Malaysia pulih kembali.

"Apa pun, kami masih menunggu jawapan kerajaan berkenaan rayuan kami agar kos tambahan ini diberi subsidi seperti diamalkan di Singapura dan United Kingdom (UK)," katanya.

“Meskipun ekonomi secara kasarnya sudah pulih ke tahap seperti 2019, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus ketinggalan di belakang syarikat lebih besar”



William Ng,
Pengerusi
SAMENTA

Cetus risiko perniagaan

Berkongsi pandangan sama, Presiden Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia (PENGILANG), Datuk Dr Azman Yusoff, berkata menaikkan kadar caruman KWSP bahagian majikan kepada 20 peratus akan mencetus risiko kepada perniagaan, selain mengundang pelbagai kesan tidak langsung.

"Kesan kepada majikan adalah kos perniagaan meningkat, kerana mereka perlu membayar lebih banyak untuk caruman KWSP.

"Ini menyebabkan peningkatan harga produk atau perkhidmatan mereka, sekali gus berisiko mengurangkan permintaan dan akhirnya merosakkan perniagaan mereka.

"Dengan meningkatnya kos perniagaan, keuntungan perniagaan menurun. Ini boleh mengurangkan kemampuan perniagaan untuk melabur dalam pertumbuhan dan pembangunan serta mencipta peluang pekerjaan baharu.

"Peningkatan caruman KWSP majikan juga boleh membawa penurunan gaji pekerja kerana majikan mungkin mengurangkan kos pekerjaan dengan cara menurunkan gaji pekerja," katanya.